Tingkat pemantauan perairan Sabah

*Ahmad Puzi (kiri) memeriksa perbarisan pada **Majlis Serah Terima Tugas Pengarah Maritim Wilayah Sabah dan Labuan** di Kota Kinabalu.*

[FOTO IZHARI ARIFFIN / BH]

Oleh Willie Jude Junaidi
bhnews@bh.com.my

Usaha memantau perairan di kawasan perairan negeri ini dipertingkatkan dalam mengawal keselamatan setempat.

Beberapa lokasi strategik dikenal pasti bagi tugas pemantauan berkenaan bermula dari perairan Kudat hingga ke Sandakan.

Menyedari pentingnya usaha itu, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Laksamana Maritim Datuk Ahmad Puzi Ab Kahar, pihaknya sudah mengemukakan kertas cadangan kepada kerajaan berharap peruntukan diperoleh secepat mungkin.

Beliau berkata, keutamaan diberikan memandangkan pantai timur Sabah seperti di Selat Malawali dan Kudat menjadi laluan utama aktiviti perdagangan bagi Asia Tenggara.

"Ini membabitkan pedagang dari Timur serta Eropah," katanya selepas Majlis Serah Terima Tugas Jawatan Pengarah Maritim Wilayah Sabah dan Labuan, di sini, baru-baru ini.

Tingkat kawalan keselamatan

Pada majlis itu, Laksamana Pertama Maritim. Mohd Zubil Mat Sam dilantik Pengarah Maritim Wilayah Sabah dan Labuan yang baharu.

Menggantikan Laksamana Pertama Maritim, Wan Mohd Affandi Wan Ahmad yang dipindahkan sebagai Pengarah Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS) di Pahang.

Beliau berkata, pihaknya akan menambah radar di perairan pantai timur Sabah bagi meningkatkan keupayaan memantau aktiviti di kawasan berkenaan, khususnya dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan negeri ini.

Mengulas lanjut, Ahmad Puzi berkata, pihaknya sebelum ini sudah menempatkan tiga radar di perairan pantai barat Sabah iaitu dari Kudat ke Kota Kinabalu, selain memiliki sembilan radar di perairan semenanjung serta dua radar jenis mudah alih.

"Pada masa sama, APMM bakal menerima beberapa aset baharu termasuk enam kapal jenis *new generation patrol craft* yang kini dalam pembinaan dan dijangka diterima mulai hujung tahun ini secara berperingkat," katanya.

***Ahmad Puzi** (tengah) menyaksikan penyerahan memoradum serah tugas, Wan Mohd Affandi (kiri) kepada Mohd Zubir pada Majlis Serah Terima Tugas Pengarah Maritim Wilayah Sabah dan Labuan.*